

JPS perlu strategi baru urus sumber asli

Oleh SUNARTI KIBAT

JOHOR BAHRU 9 Jun - Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar, Datuk Seri Azmi Khalid mahu Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) menghasilkan strategi baru dan inovatif dalam pengurusan sumber asli negara khususnya sumber air.

Beliau berkata, ia penting dilaksanakan kerana Malaysia kini berhadapan dengan pertambahan permintaan sumber bekalan air bersih bagi kegunaan domestik, perindustrian dan pertanian.

Katanya, negara juga mengalami pertambahan dalam masalah berkaitan air dan gangguan kepada ekosistem akibat

kerakusan manusia menjalankan aktiviti-aktiviti ekonomi.

"Ini adalah cabaran hebat, memerlukan penyelesaian jitu, pengurusan air secara bijaksana, menyeluruh dan bersepadu," katanya.

Beliau berkata demikian pada majlis perasmian Persidangan Tahunan Pengurus Kanan 2006 JPS Malaysia di sini.

Teks ucapannya dibacakan oleh Timbalan Ketua Setiausaha kementerian itu, Mohd. Ibrahim Abu Bakar.

Lebih 200 pengurus kanan dan kakitangan JPS menghadiri persidangan tiga hari tersebut yang bermula semalam.

Azmi seterusnya menyeru semua pegawai JPS mempertingkatkan kerjasama

Ini adalah cabaran hebat, memerlukan penyelesaian jitu, pengurusan air secara bijaksana, menyeluruh dan bersepadu

dengan lain-lain jabatan di peringkat persekutuan atau negeri sekiranya projek-projek yang dijalankan melibatkan kerjasama atau menyentuh bidang tugas mereka.

Misalnya, kata beliau, terdapat projek tebatan banjir melibatkan pemindahan sepinggan dan ini memerlukan kerjasama banyak agensi berbeza.

Katanya, penglibatan dan kerjasama agensi seperti JPS, Jabatan Pembangunan

Sumber Manusia (JPSM), Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia (FRIM) dan Institut Penyelidikan Hidraulik Kebangsaan (NAHRIM) pula untuk menjayakan program perlindungan dan pemuliharaan kawasan hutan paya laut.

"Kelemahan komunikasi antara jabatan, agensi dan bahagian telah dikenal pasti sebagai antara sebab mengapa sebilangan projek kerajaan terbengkalai atau lewat dilaksanakan," katanya.

AZMI KHALID
Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar